



**GARIS PANDUAN PENYELIAAN  
PELAJAR PASCASISWAZAH  
(STRUKTUR PENYELIDIKAN)  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**KELULUSAN SENAT KALI KE-156  
TARIKH: 4 OKTOBER 2022  
[Minit Senat 3/156/2022]**

**PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH**

## **1. TUJUAN**

- a) Garis panduan ini adalah rujukan amalan baik tentang penyeliaan pelajar pascasiswazah (struktur penyelidikan) di UMT. Garis panduan ini perlu dibaca Bersama *UMT Postgraduate Studies (Research) Regulations 2021 Edition*.
- b) Tujuan garis panduan ini ialah:
  - i) Menjelaskan peranan serta tanggungjawab penyelia, pelajar, Fakulti/Institut/Pusat dan Pusat Pengurusan Siswazah (PPS).
  - ii) Memastikan kualiti pengajian siswazah adalah selaras dengan keperluan pihak berkepentingan.
  - iii) Menghasilkan pelajar pascasiswazah yang kompeten dan berdaya saing.

## **2. LATAR BELAKANG**

- a) Penyeliaan merupakan satu kaedah pemantauan kemajuan akademik pelajar yang berkaitan dengan proses penyediaan tesis. Dalam konteks pelajar pascasiswazah struktur penyelidikan, penyeliaan bertujuan untuk membimbing pelajar bermula daripada proses penyediaan saranan penyelidikan, penulisan tesis, pembentangan dan pemeriksaan tesis seorang pelajar pengajian siswazah. Tanggungjawab penyelia bermula dari tarikh pelajar mendaftar sehingga pelajar dianugerahkan ijazah (disahkan Senat). Kualiti penyeliaan bergantung kepada kejayaan mewujudkan interaksi yang baik di antara penyelia dengan pelajar serta sejauh mana penyelia dan pelajar memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing.
- b) Staf akademik bertanggungjawab membangunkan kemahiran penyeliaan pelajar pascasiswazah. Selain daripada membiasakan diri dengan semua peraturan dan etika universiti mengenai penyelidikan, staf akademik juga perlu mahir dalam menyelia, menjadi mentor, membimbing, menyokong dan memberi kaunseling kepada pelajar pascasiswazah.
- c) Secara prinsipnya, penyelia bertanggungjawab untuk melatih pelajar pascasiswazah mengenai kaedah penyelidikan di samping mengekalkan hubungan profesional dengan pelajar dan memberikan maklum balas yang membina. Penyelia bertanggungjawab memberi ulasan dengan segera terhadap draf saranan penyelidikan dan tesis pelajar.
- d) Secara dasarnya, peranan penyelia adalah memberi nasihat, membincangkan dan menambahbaik penyelidikan pelajar pascasiswazah serta memberi motivasi dan bimbingan kepada pelajar untuk menamatkan pengajian dengan jayanya.

## **3. DEFINISI PENYELIA**

Berdasarkan Peraturan Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan) UMT Edisi 2021, penyelia bermaksud staf akademik / penyelidik yang telah dilantik yang bertanggungjawab bagi memberikan panduan dan nasihat dalam hal ehwal akademik, termasuk peraturan pengajian pascasiswazah yang berkuatkuasa.

#### **4. PERANAN PENYELIA**

Peranan penyelia berbeza mengikut kategori seperti berikut:

- a) Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan
  - i) Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan dan hala tuju penyelidikan pelajar serta hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran seperti peranan untuk memberikan perakuan, sokongan dan lain-lain bagi sesuatu urusan.
  - ii) Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan juga perlu melaksanakan semua tanggungjawab penyelia seperti yang disenaraikan dalam Garis Panduan ini serta bertindak sebagai penyelarasan yang menyelaraskan maklum balas daripada Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- b) Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan
  - i) Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dilantik bagi menyumbang kepakaran khusus kepada penyelidikan pelajar.
  - ii) Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan perlu dilantik sekiranya penyelidikan pelajar melibatkan rentasan bidang.
  - iii) Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan bertanggungjawab menyokong peranan Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dalam menambahbaik kualiti penyelidikan pelajar dan memastikan tugas penyeliaan terus dilaksanakan sepanjang ketiadaan Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.

#### **5. PELANTIKAN PENYELIA**

- a) Penamaan calon penyelia hendaklah diuruskan oleh pihak Fakulti/Institut/Pusat dengan mematuhi semua kriteria yang ditetapkan di dalam Seksyen 5: Penyeliaan, Peraturan Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan) UMT Edisi 2021.
- b) Penamaan calon penyelia yang dibuat hendaklah mengambilkira ruang, sumber yang ada dan kepakaran yang boleh menyokong dan membantu penyelidikan pelajar pascasiswazah.

## **6. PERTUKARAN PENYELIA**

- a) Seseorang pelajar boleh meminta pertukaran penyelia dengan mengisi Borang Penamaan Semula Jawatankuasa Penyeliaan secara dalam talian melalui portal MyNemo Siswazah. Penyelia asal perlu dimaklumkan dan bersetuju dengan penamaan semula tersebut. Jika tidak bersetuju, JKPS Fakulti/Institut/Pusat boleh menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan permohonan penamaan semula demi kepentingan pelajar tertakluk kepada kesesuaian bidang.
- b) Jika seseorang penyelia berpendapat bahawa dia tidak dapat meneruskan penyeliaan seseorang pelajar oleh kerana sebab-sebab peribadi atau alasan lain yang munasabah, dia hendaklah memohon secara bertulis untuk menarik diri kepada Dekan Fakulti/Pusat atau Pengarah Institut dan dibawa ke Mesyuarat JKPS atau setara peringkat Fakulti/Institut/Pusat untuk tujuan kelulusan.
- c) Sekiranya terdapat penyelia yang tidak menjalankan kewajipan penyeliaannya dengan memuaskan, JKPS Fakulti/Institut/Pusat boleh melantik mana-mana staf akademik lain yang layak untuk menggantikan penyelia tersebut.
- d) JKPS Fakulti/Institut/Pusat perlu melantik penyelia baru dalam tempoh enam (6) bulan sebelum penyelia asal tamat perkhidmatan dan penyelia yang meninggal dunia atau mempunyai masalah kesihatan.
- e) Semua pertukaran penyelia hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat JKPS atau setara peringkat Fakulti/Institut/Pusat.

## **7. TANGGUNGJAWAB PENYELIA**

Proses penyeliaan melibatkan hubungan yang memerlukan kepada kepercayaan, komitmen, tanggungjawab dan rasa saling hormat menghormati di antara penyelia dengan pelajar. Pelajar perlu berusaha mendapatkan panduan, nasihat dan bimbingan yang berkualiti dari penyelia dalam mencapai kecemerlangan akademik. Dalam masa yang sama, tidak menjadi kesalahan bagi pelajar untuk mendapatkan nasihat dari individu berkeelayakan lain selagi hubungan dengan penyelia dihormati. Penyelia hendaklah memastikan pelajar membuat perancangan penuh tentang kerja penyelidikan yang hendak dilaksanakan dan memberi nasihat sama ada akademik atau peribadi yang diperlukan. Antara tugas penyelia seperti perincian berikut (Jadual 1):

**Jadual 1: Tanggungjawab Penyelia Berdasarkan Peringkat Pengajian Pelajar**

| Semasa Pelaksanaan Penyelidikan   | Sebelum Viva   | Semasa Viva   | Selepas Viva   |
|---|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengadakan perjumpaan dengan pelajar sekurang-kurangnya sebulan sekali.</li> <li>ii) Menyediakan bukti berekod perjumpaan dengan pelajar.</li> <li>iii) Membincangkan kemajuan kerja dengan pelajar mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama.</li> <li>iv) Memastikan bahawa pelajar menyedari kepentingan dan mematuhi semua Peraturan Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan) dan perkara yang berkaitan dengan pendaftaran pelajar, termasuk dasar berhubung etika penyelidikan, hak harta intelek, serta hak cipta.</li> <li>v) Memberi bimbingan tentang penyelidikan yang dilaksanakan. Ini merangkumi perancangan penyelidikan, tinjauan literatur dan memperakui keperluan menghadiri latihan yang diperlukan.</li> <li>vi) Memastikan penyelidikan pelajar adalah asli, bebas plagiat dan dilakukan sendiri oleh pelajar.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menamakan Pemeriksa tesis apabila pelajar menghantar Notis Penyerahan Tesis. Seawal tempoh 6 bulan sebelum serahan draf akhir tesis kepada fakulti/institut/pusat.</li> <li>ii) Menyemak dan memperakui tesis untuk tujuan penghantaran tesis (semakan merangkumi format, gaya bahasa dan kandungan tesis).</li> <li>iii) Memastikan pelajar menjalani <i>Candidature Assessment (CA)</i> di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.</li> <li>iv) Memastikan pelajar lulus kursus kaedah penyelidikan dalam bidang berkaitan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kehadiran penyelia dalam sesi <i>Viva Voce</i> hanya sebagai pemerhati. Penyelia tidak terlibat dalam apa-apa perbincangan yang berkaitan dengan keputusan terhadap pemeriksaan tesis yang dikemukakan oleh pelajar.</li> <li>ii) Penyelia tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang intervensi dalam proses <i>Viva Voce</i>.</li> <li>iii) Walau bagaimanapun, Pengerusi Viva boleh memohon pandangan penyelia berkaitan tempoh masa penghantaran pembetulan tesis atau lain-lain perkara yang berkaitan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Membantu pelajar memahami komen Pemeriksa dan memastikan semua keperluan dipenuhi untuk serahan tesis akhir.</li> <li>ii) Membimbing serta membantu pelajar bagi melengkapkan tesis untuk tujuan pemeriksaan semula (jika perlu).</li> <li>iii) Menyemak tesis pelajar sebelum diserahkan untuk penilaian @ pemeriksaan semula (jika perlu).</li> <li>iv) Membincangkan dan merancang keperluan bergraduat termasuk penerbitan, kelayakan bahasa dan lain-lain yang telah ditetapkan oleh Universiti.</li> </ul> |

| Semasa Pelaksanaan Penyelidikan  | Sebelum Viva   | Semasa Viva | Selepas Viva  |
|--|--|-------------|---|
| <p>vii) Menggalakkan pelajar supaya sentiasa peka terhadap perkembangan bidang yang diselidiki atau dikaji.</p> <p>viii) Memberi nasihat tentang pengurusan masa dalam pelaksanaan penyelidikan.</p> <p>ix) Mempermudahkan proses pengumpulan data dari segi birokrasi, pentadbiran dan kewangan.</p> <p>x) Menyemak manuskrip/tesis/abstrak dan memulangkan dengan komen dan ulasan yang membina dalam jangka masa yang munasabah.</p> <p>xi) Memastikan pelajar memenuhi syarat-syarat penerbitan untuk bergraduat.</p> <p>xii) Menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Pelajar kepada PPS melalui Modul Pensyarah (<i>PostGraduate</i>) pada masa yang ditetapkan pada setiap semester.</p> <p>xiii) Memastikan pelajar mendapat makluman secara bertulis/lisan tentang sebarang kekurangan samada berhubung kemajuan dan/atau tahap penyelidikan.</p> | <p>v) Membantu pelajar membuat persediaan untuk sesi <i>Viva Voce</i>.</p> |             | <p>v) Memastikan pelajar menghantar pembetulan tesis dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>vi) Memastikan pelajar untuk memohon pelanjutan tempoh sekiranya gagal menghantar pembetulan tesis pada Tarikh akhir yang telah ditetapkan.</p> <p>vii) Memastikan komunikasi dengan pelajar direkodkan seperti melalui emel dan surat.</p> |

| Semasa Pelaksanaan Penyelidikan   | Sebelum Viva | Semasa Viva | Selepas Viva |
|---|--------------|-------------|--------------|
| <p>xiv) Memastikan pelajar menjalankan penyelidikan berdasarkan keperluan <i>The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research</i> (MCRCR).</p> <p>xv) Mengalakkan pelajar bergraduat dalam tempoh pengajian (iGOT).</p> <p>xvi) Bekerjasama dengan penyelia bersama apabila penyeliaan melibatkan lebih daripada seorang penyelia.</p> <p>xvii) Memelihara hubungan baik dengan pelajar seliaan dan mengelakkan sebarang konflik yang boleh menjejaskan kemajuan pelajar.</p> <p>xviii) Mengarahkan pelajar untuk merujuk kepada pakar bidang, jika perlu. Dalam kes-kes tertentu, penyelia tambahan boleh dilantik, tertakluk kepada bilangan maksimum penyelia.</p> <p>xix) Memastikan pelajar mengikut format dan gaya penulisan tesis yang ditetapkan dari peringkat awal penulisan tesis.</p> <p>xx) Memaklumkan kepada pelajar dan Fakulti/Institut/Pusat terlebih dahulu sekiranya penyelia akan bercuti atau perlu menjalankan</p> |              |             |              |

| <b>Semasa Pelaksanaan Penyelidikan</b>   | <b>Sebelum Viva</b> | <b>Semasa Viva</b> | <b>Selepas Viva</b> |
|--|---------------------|--------------------|---------------------|
| penyelidikan/tugasan di luar Universiti dalam tempoh melebihi 1 bulan dan memberikan maklumat perhubungan bagi membolehkan pelajar menghubungi penyelia sepanjang tempoh tersebut. |                     |                    |                     |



## 8. TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Proses penyeliaan memberi peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran sebagai penyelidik di bawah bimbingan penyelia. Oleh yang demikian, pelajar perlu mempamerkan komitmen yang tinggi dalam penyelidikan. Pelajar mestilah mempamerkan hasil kerja penyelidikan kepada panduan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh penyelia di samping berusaha meningkatkan kebolehan menjalankan penyelidikan secara mandiri. Antara tugas pelajar pascasiswazah adalah seperti berikut:

- a) Mematuhi Peraturan Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan) termasuk dasar berhubung etika penyelidikan, hak harta intelek, serta hak cipta.
- b) Berbincang dengan penyelia sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- c) Memastikan ada komunikasi jelas dan terbuka dengan penyelia sepanjang proses penyeliaan.
- d) Menyediakan pelan penyelidikan pada semester pertama.
- e) Melaksanakan kerja seperti yang ditetapkan oleh penyelia termasuk pembacaan serta latihan berkaitan (Rujuk Lampiran A).
- f) Memastikan kemajuan penyelidikan selaras dengan jadual yang dipersetujui (Rujuk Lampiran B).
- g) Lulus kursus kaedah penyelidikan dalam bidang berkaitan pada tahun pertama pengajian.
- h) Lulus *Candidature Assessment* (CA) di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.
- i) Membincangkan masalah atau kesulitan yang dihadapi bersama penyelia, termasuk masalah berhubung akses kepada sumber dan bahan.
- j) Menyediakan rekod tentang kemajuan penyelidikan termasuk rekod perundingan dengan penyelia dan rekod kerja/tugasan yang telah diselesaikan.
- k) Memastikan manuskrip/tesis/abstrak diserahkan seperti yang dijadualkan dengan memberikan waktu yang sewajarnya untuk membolehkan penyelia memberi maklum balas.
- l) Memberi perhatian yang sewajarnya kepada maklum balas dan panduan yang diberikan oleh penyelia.
- m) Mematuhi keputusan yang dicapai hasil daripada maklum balas di antara Penyelia Utama dan Penyelia Bersama jika berlaku perbezaan pandangan.
- n) Melakukan pembetulan dan penambahbaikan seperti yang dicadangkan oleh penyelia.

- o) Memastikan tesis yang diserahkan bebas plagiat dan mematuhi keperluan Universiti.
- p) Mengambil bahagian dan menyumbang kepada budaya penyelidikan Fakulti/Institut/Pusat.
- q) Memastikan keperluan penerbitan untuk bergraduasi dipatuhi.
- r) Memasukkan nama Penyelia Utama/Penyelia Bersama/Jawatankuasa Penyeliaan sebagai pengarang penerbitan yang dibuat berdasarkan penyelidikan yang dijalankan.
- s) Mendapatkan persetujuan dan pengesahan penyelia bagi sebarang penerbitan yang dibuat berasaskan penyelidikan yang dijalankan semasa di Universiti, walaupun pelajar sudah bergraduasi.
- t) Berunding dengan penyelia tentang tempoh bercuti dan memaklumkan penyelia jika terpaksa mengambil cuti (contohnya atas sebab kesihatan atau masalah keluarga).
- u) Peka dengan perancangan masa dan tarikh penting sepanjang tempoh pengajian seperti pendaftaran, tempoh pengajian, masa perundingan bersama penyelia, penghantaran tesis dan lain-lain.
- v) Memastikan status pelajar sentiasa aktif dengan memperbaharui pendaftaran mereka pada setiap semester.
- w) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan, cara penyampaian penulisan tesis dan pembentangan *Viva Voce*.
- x) Memastikan pembetulan tesis dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan selepas sesi *Viva Voce*.

## **9. TANGGUNGJAWAB FAKULTI/INSTITUT/PUSAT**

Fakulti/Institut/Pusat memainkan peranan sebagai pemilik program pascasiswazah yang menyediakan kemudahan untuk penyelidikan, menguruskan hal-hal pentadbiran serta memastikan proses penyeliaan dilaksanakan secara profesional dan harmoni. Fakulti berhak menentukan jumlah pelajar yang diselia oleh staf akademik. Walau bagaimanapun, kelayakan dan keperluan bidang berkaitan penyelidikan pelajar perlu menjadi kriteria utama dalam penetapan penyelia bagi menjamin kualiti penyeliaan dan tesis yang dihasilkan. Proses penetapan penyelia perlu dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan dan melalui Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut/Pusat (JKPS). Antara tugas Fakulti/Institut/Pusat sebagai penyelaras program pascasiswazah adalah seperti dibawah:

- a) Memastikan Peraturan Pengajian Pascasiswazah, Dasar dan Garis Panduan Universiti dipatuhi.
- b) Memastikan kualiti pengajian siswazah pascasiswazah.

- c) Menggalakkan penyertaan penyelia dalam kursus penyeliaan pascasiswazah selaras dengan keperluan pihak berkepentingan.
- d) Memastikan pelajar menerima penyeliaan yang sewajarnya sepanjang tempoh pengajian dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku penyeliaan yang tidak memuaskan.
- e) Menyediakan kemudahan kepada pelajar yang merangkumi kemudahan penyelidikan.
- f) Menganjurkan kursus/latihan kemahiran atau seminar yang bersesuaian.
- g) Memastikan pelajar telah lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program pengajian.
- h) Melantik Penyelia Utama/Penyelia Bersama/Jawatankuasa Penyeliaan dan/atau Penyelaras Siswazah/Penyelia Lapangan.
- i) Meluluskan saranan penyelidikan pelajar.
- j) Memastikan proses penyeliaan dijalankan berdasarkan Garis Panduan Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Struktur Penyelidikan UMT dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku masalah penyeliaan yang tidak memuaskan.
- k) Menyimpan rekod pelajar.
- l) Melantik Pemeriksa Dalam dan/atau Luar.
- m) Melaksanakan *Viva Voce*.
- n) Memastikan tesis yang diserahkan, disediakan selaras dengan keperluan Universiti termasuk format penulisan, perakuan bebas plagiat, bilangan salinan tesis dan lain-lain.
- o) Memastikan syarat penerbitan untuk bergraduat yang ditetapkan telah dipatuhi sebelum penganugerahan Ijazah.
- p) Menjadi badan bebas yang boleh dirujuk untuk mendapatkan nasihat sekiranya timbul masalah dalam hubungan antara penyelia dan pelajar.
- q) Menjaga kebajikan pelajar sepanjang tempoh pengajian.
- r) Melaksanakan *Candidature Assessment* (CA) pelajar berdasarkan tempoh yang ditetapkan di dalam Peraturan.
- s) Membuat keputusan tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya masalah penyeliaan tidak dapat diselesaikan di antara penyelia dan pelajar.

- t) Memastikan pelajar menghantar pembetulan tesis dalam tempoh yang ditetapkan.
- u) Memastikan pelajar untuk memohon pelanjutan tempoh sekiranya gagal menghantar pembetulan tesis pada Tarikh akhir yang telah ditetapkan.
- v) Memastikan komunikasi dengan pelajar direkodkan seperti melalui emel dan surat.

#### **10. TANGGUNGJAWAB PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH (PPS)**

- a) Menyediakan kepada Fakulti/Institut/Pusat tentang Dasar, Peraturan dan Garis Panduan terkini untuk rujukan penyelia dan pelajar.
- b) Memastikan Dasar, Peraturan dan Garis Panduan berkaitan pengajian siswazah dikuatkuasakan.
- c) Menyimpan rekod kelulusan terutama yang melibatkan penyeliaan pelajar yang dihantar oleh Fakulti/Institut/Pusat dan memastikan rekod pelajar adalah yang terkini.
- d) Menguruskan permohonan biasiswa dan pembiayaan pascasiswazah sepanjang tempoh pengajian.

#### **11. SUMBER RUJUKAN**

Sumber rujukan bagi penyediaan garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i) National Science Council (2020). *The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2nd Edition* (MCRRCR). Academy of Sciences Malaysia.
- ii) Malaysian Qualification Agency (MQA) (2014). Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik.
- iii) Universiti Malaysia Pahang (2019). *Rules and Guidelines for Postgraduate by Research*. 2019.
- iv) Universiti Teknologi Malaysia (2018). KAPS-10 Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah Sekolah Pengajian Siswazah (SPS).
- v) Universiti Perguruan Sultan Idris (2018). Garis Panduan Penyeliaan Program Pengajian Siswazah.
- vi) Universiti Sains Islam Malaysia (2016). Garis Panduan Penyeliaan Pelajar Siswazah (Mod Penyelidikan).
- vii) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (2016). Panduan Pelaksanaan Program Penyelidikan (Penyeliaan).
- viii) Universiti Kebangsaan Malaysia (2015). Garis Panduan Penyeliaan Pelajar Siswazah.

**LAMPIRAN A**

**Jadual 1: Cadangan Pelan Penyelidikan – Carta Gantt Bagi Pelajar Pascasiswazah Pengajian Sarjana Sepenuh Masa**

NAMA PELAJAR : ..... NO. MATRIK : ..... PROGRAM : .....

| iGOT  |  | TAHUN 1     |             | TAHUN 2    |             |
|---|--|-------------|-------------|------------|-------------|
| SEMESTER  |  | 1           | 2           | 1          | 2           |
| BULAN   |  | OKT. – FEB. | MAC – SEPT. | OKT.- FEB. | MAC – SEPT. |
| <b>SASARAN – PENULISAN TESIS &amp; KERJA PENYELIDIKAN MESTILAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH DUA (2) TAHUN</b> |  |             |             |            |             |
| 1.  | Abstrak  |             |             |            |             |
| 2.  | Pengenalan                                     |             |             |            |             |
| 3.  | Tinjauan Literatur / Tinjauan Literatur Kritis |             |             |            |             |
| 4.  | Rujukan  |             |             |            |             |
| 5.  | Jurang Penyelidikan & Pernyataan Masalah       |             |             |            |             |
| 6.  | Persoalan Penyelidikan                         |             |             |            |             |
| 7.  | Kaedah Penyelidikan                            |             |             |            |             |
| 8.  | Eksperimen / Pengumpulan Data                  |             |             |            |             |
| 9.  | Penemuan / Analisa Data                        |             |             |            |             |
| 10.   | Penerbitan                                     |             |             |            |             |
| 11.   | Perbincangan                                   |             |             |            |             |
| 12.   | Sumbangan / Kesimpulan                         |             |             |            |             |

**Jadual 2: Cadangan Pelan Penyelidikan – Carta Gantt Bagi Pelajar Pascasiswazah Pengajian Doktor Falsafah Sepenuh Masa**

NAMA PELAJAR : ..... NO. MATRIK : ..... PROGRAM : .....

| iGOT  |  | TAHUN 1        |                | TAHUN 2        |                | TAHUN 3        |                | TAHUN 4        |                |
|---|--|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| SEMESTER  |  | 1              | 2              | 1              | 2              | 1              | 2              | 1              | 2              |
| BULAN   |  | OKT. –<br>FEB. | MAC –<br>SEPT. | OKT. –<br>FEB. | MAC –<br>SEPT. | OKT. –<br>FEB. | MAC –<br>SEPT. | OKT. –<br>FEB. | MAC –<br>SEPT. |
| <b>SASARAN – PENULISAN TESIS &amp; KERJA PENYELIDIKAN MESTILAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH EMPAT (4) TAHUN</b> |  |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 1.  | Abstrak  |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 2.  | Pengenalan                                     |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 3.  | Tinjauan Literatur / Tinjauan Literatur Kritis |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 4.  | Rujukan  |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 5.  | Jurang Penyelidikan & Pernyataan Masalah       |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 6.  | Persoalan Penyelidikan                         |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 7.  | Kaedah Penyelidikan                            |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 8.  | Eksperimen / Pengumpulan Data                  |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 9.  | Penemuan / Analisa Data                        |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 10.   | Penerbitan                                     |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 11.   | Perbincangan                                   |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 12.   | Sumbangan                                      |                |                |                |                |                |                |                |                |
| 13.   | Kesimpulan                                     |                |                |                |                |                |                |                |                |

**LAMPIRAN B**

**Jadual 3: Cadangan Kemajuan Penyelidikan Bagi Pelajar Pascasiswazah Pengajian Sarjana Sepenuh Masa**

| Bil. | Aktiviti                                 | Semester |   |   |   |
|------|--|----------|---|---|---|
|      |  | 1        | 2 | 3 | 4 |
| 1.   | Abstrak                                  |          |   | √ | √ |
| 2.   | Pengenalan                               | √        | √ | √ | √ |
| 3.   | Tinjauan Literatur                       | √        | √ | √ | √ |
| 4.   | Rujukan                                  | √        | √ | √ | √ |
| 5.   | Jurang Penyelidikan & Pernyataan Masalah | √        | √ | √ | √ |
| 6.   | Persoalan Penyelidikan                   |          | √ | √ | √ |
| 7.   | Kaedah Penyelidikan                      |          | √ | √ | √ |
| 8.   | Eksperimen/<br>Pengumpulan Data          |          | √ | √ | √ |
| 9.   | Penemuan/Analisa Data                    |          |   | √ | √ |
| 10.  | Penerbitan                               |          | √ | √ | √ |
| 11.  | Perbincangan                             |          |   | √ | √ |
| 12.  | Sumbangan/<br>Kesimpulan                 |          |   | √ | √ |

**Jadual 4: Cadangan Kemajuan Penyelidikan Bagi Pelajar Pascasiswazah Pengajian Doktor Falsafah Sepenuh Masa**

| Bil. | Aktiviti                                 | Semester |   |   |   |   |   |   |   |
|------|--|----------|---|---|---|---|---|---|---|
|      |  | 1        | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |
| 1.   | Abstrak                                  |          |   |   |   |   |   | √ | √ |
| 2.   | Pengenalan                               | √        | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 3.   | Tinjauan Literatur                       | √        | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 4.   | Rujukan                                  | √        | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 5.   | Jurang Penyelidikan & Pernyataan Masalah |          | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 6.   | Persoalan Penyelidikan                   |          | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 7.   | Kaedah Penyelidikan                      |          | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 8.   | Eksperimen/<br>Pengumpulan Data          |          |   | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 9.   | Penemuan/Analisa Data                    |          |   |   | √ | √ | √ | √ | √ |

| Bil. | Aktiviti     | Semester |   |   |   |   |   |   |   |
|------|--------------|----------|---|---|---|---|---|---|---|
|      |              | 1        | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |
| 10.  | Penerbitan   |          | √ | √ | √ | √ | √ |   |   |
| 11.  | Perbincangan |          |   |   |   | √ | √ | √ | √ |
| 12.  | Sumbangan    |          |   |   |   | √ | √ | √ | √ |
| 13.  | Kesimpulan   |          |   |   |   | √ | √ | √ | √ |





**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
GUIDELINES ON SUPERVISION OF  
POSTGRADUATE STUDENTS  
(RESEARCH STRUCTURE)**

**156<sup>TH</sup> SENATE APPROVAL  
DATE: 4<sup>TH</sup> OCTOBER 2022  
[Senate Minute 3/156/2022]**

**POSTGRADUATE MANAGEMENT CENTRE**

## **1. PURPOSE**

- a) This guideline is a reference of good practice on the supervision of postgraduate students (research structure) at UMT. These guidelines should be read together with the UMT Postgraduate Studies (Research) Regulations 2021 Edition.
- b) The purposes of this guideline is;
  - i) To explain the roles and responsibilities of supervisor, student, Faculty/Institute/Centre and the Postgraduate Management Center (PPS).
  - ii) To ensure the quality of graduate studies is in line with the needs of stakeholders.
  - iii) To produce competent and competitive postgraduate students.

## **2. BACKGROUND**

- a) Supervision is a method of monitoring students' academic progress related to the thesis preparation process. For student of research structure, supervision aims to guide student starting from the process of preparing context research proposal, thesis writing, presentation and examination of a graduate student thesis. A supervisor's responsibilities towards a postgraduate student begins from the date of registration up until a degree is awarded (endorsed by the Senate). The quality of supervision depends on how good and effective the interactions between supervisor and student as well as the understanding towards each others roles and responsibilities.
